

Oleh Zakariah Abdul Rashid  
Pengarah Eksekutif MIER

# Harga Minyak Mencetus Kebiasaan Baharu



**K**ERUNTUHAN harga minyak mentah dunia mencetuskan impak yang besar kepada ekonomi dunia, selain mengakibatkan kemerosotan yang dasyat dalam imbang dagangan Malaysia dan dalam kadar tukaran hampir semua mata wang dunia. Walaupun yang berlaku ini ialah fenomena global, hal ini menguji ketahanan struktur ekonomi Malaysia, di samping menyerlahkan segala kelemahannya. Yang paling ketara, keadaan ini menggugat imbang dagangan dan rizab antarabangsa dalam pembayaran negara. Bagaimana perkara ini berlaku dan sama ada kita dapat menangani ledakan ini ataupun tidak, akan dikupas dalam makaiah ini.

Minyak dan gas asli merupakan galian yang sangat dikehendaki untuk mengeluarkan

produk berasaskan petroleum dan petrokimia. Tenaga elektrik juga dijana dengan menggunakan sumber galian ini. Sebagai sumber hulu, minyak mempunyai nilai komersial yang tinggi dan sering dipanggil sebagai "emas hitam yang mengalir".

Ekonomi Malaysia amat bergantung pada hasil minyak dan gas. Komoditi ini menyumbangkan lebih kurang 15 peratus kepada hasil eksport dan 30 peratus kepada hasil kerajaan persekutuan. Kita perlu faham bahawa komoditi ini terdiri daripada dua kategori utama, yakni petroleum bertapis dan minyak mentah, yang masing-masing merupakan komoditi keluaran hulu dan hilirannya. Lebih kurang satu per tiga daripada nilai minyak dan gas yang dieksport adalah dalam bentuk minyak mentah, manakala yang selebihnya ialah petroleum

bertapis. Sungguhpun Malaysia berkedudukan sangat jelas sebagai pengeksport bersih minyak mentah, bagi petroleum kita sering menjadi sebaliknya pula. Pada tahun 2014, perdagangan luar minyak dan gas menyaksikan negara ini menjadi pengimport bersih kerana kita mengimport lebih banyak nilai barangan petroleum.

Trend kejatuhan harga komoditi, terutamanya minyak mentah, dan kemerosotan kadar tukaran mata wang negara pengeksport komoditi bergerak seiring dan berlaku sejak Ogos 2014. Petroleum bertapis yang dikeluarkan banyak digunakan untuk industri tempatan, sedangkan bagi minyak mentah dan gas asli pula untuk dieksport. Begitu juga petroleum bertapis yang dikeluarkan yang mempunyai nisbah nilai tambah yang kecil

berbanding dengan yang diperoleh daripada minyak mentah dan gas asli. Memahami struktur pasaran dan struktur pengeluaran yang sedemikian, penting bagi kita agar lebih jelas untuk memahami bagaimana perubahan harga minyak mentah yang memberikan impak kepada ekonomi negara.

Minyak mentah lazimnya didagangkan dalam pasaran Dubai Merchantiles, Intercontinental (Minyak Brent Laut Utara) dan New York Merchantile (Index Texas Barat) dan harga minyak disebut dalam Dolar Amerika. Ketika harga tinggi, setong minyak dapat menjanakan nilai kewangan yang tinggi dan sebaliknya berlaku pada ketika harga rendah. Hal ini bermakna, ketika harga minyak tinggi lebih banyak Dolar Amerika diperlukan untuk membelinya dan lebih banyak Dolar Amerika dijanakan sebagai hasil eksport untuk kuantiti minyak yang sama. Keadaan yang sama berlaku pada logam emas, yakni lebih banyak Dolar Amerika diperlukan untuk mendapatkan kuantiti emas yang sama ketika harga minyak dan emas naik.

Pada umumnya, semua komoditi akan mengalami keadaan yang sama seperti yang berlaku pada logam emas. Oleh itu, pada lazimnya ketika harga minyak naik, harga komoditi utama akan turut sama naik, yakni lebih banyak Dolar Amerika diperlukan untuk mendapatkan kuantiti yang sama. Keadaan sebaliknya juga berlaku ketika harga minyak jatuh. Dengan perkataan lain, ketika harga minyak tinggi nilai Dolar Amerika rendah dan begitulah sebaliknya ketika harga minyak rendah.

Oleh sebab Dolar Amerika menjadi asas untuk mengukur mata wang negara lain, ketika Dolar Amerika tinggi nilai mata wang yang lain menjadi rendah, dan begitulah sebaliknya ketika Dolar Amerika rendah. Jadi ketika harga minyak tinggi, kadar tukaran Dolar Amerika menyusut, sedangkan kadar tukaran mata wang yang lain mengukuh dan sebaliknya berlaku ketika harga minyak rendah. Sebagai kesimpulannya, harga minyak dapat dianggap sebagai pencetus awal kepada kewujudan kebiasaan baharu dalam ekonomi global. Walaupun begitu, hubungan sedemikian hanyalah sesuatu yang umum kerana, di samping harga minyak, harga komoditi bukan minyak dan kadar tukaran

**Petroleum bertapis yang dikeluarkan banyak digunakan untuk industri tempatan, sedangkan bagi minyak mentah dan gas asli pula untuk dieksport.**

chr. no = 0000275101  
Economics - General


mata wang dipengaruhi oleh faktor yang lain juga, antaranya termasuklah faktor ekonomi dan faktor bukan ekonomi, yang menjadikan hubungannya tidak linear antara satu komoditi dengan komoditi yang lain serta antara satu mata wang dengan satu mata wang yang lain.

Oleh hal yang demikian, minyak juga merupakan komoditi istimewa sebagai penyimpan nilai aset. Corak pemegangan aset banyak bergantung pada harga relatif aset, daripada perubahan harga minyak

**Impak negatif ini mula dikesan pada imbalan pembayaran dan seterusnya menjangkiti pemboleh ubah (*variable*) makroekonomi yang lain.**

ini sehinggalah jangkaan harganya pada masa akan datang, yang dapat mencetuskan perubahan besar-besaran yang berlaku. Ketika harga komoditi ini tinggi, pemegangan Dolar Amerika menjadi tidak menarik, lantas kadar tukaran asing mata wang tersebut rendah, begitu juga apabila sebaliknya berlaku seperti pada masa ini. Dolar Amerika pula bukanlah sembarangan mata wang, selain merupakan mata wang rizab dunia. Dengan Dolar Amerika, semua nilai mata wang negara lain dipadankan. Pada umumnya, kekukuhan Dolar Amerika merupakan kelemahan bagi mata wang lain dan begitu juga sebaliknya.

Bagi negara pengeksport minyak, termasuk Malaysia, perubahan harga minyak menjejaskan hasil eksport minyak dan kerana nilai hasil komoditi



ini penting secara relatif dengan komoditi yang lain, perubahan harga minyak menjejaskan imbalan pembayaran negara. Maka sejauh mana perubahan harga minyak menjejaskan ekonomi negara bergantung pada sebesar mana komoditi ini menyumbang kepada eksport negara. Negara yang terlalu bergantung pada eksport minyak terdiri daripada negara anggota Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan beberapa buah negara lain yang bukan anggota OPEC. Rusia, Venezuela, dan Iran merupakan contoh negara sedemikian.

Keruntuhan harga minyak mentah mencetus impaknya, bermula dengan kejatuhan hasil eksport yang digerakkan oleh minyak dan gas yang sebahagian besar daripadanya ialah minyak mentah. Seperti yang kita sedia maklum, minyak dan gas ialah penyumbang penting hasil eksport negara Malaysia. Jika digabungkan dengan gas asli cecair (LNG), kepentingan sumbangan kepada jumlah hasil eksport hampir-hampir satu per tiga. Hal ini bermakna, dengan kejatuhan harga yang besar ini, telaga minyak negara mengeluarkan nilai output minyak mentah yang semakin rendah, walaupun kuantitinya tidak berubah. Sebaliknya jika ingin menjaga agar nilai output yang tinggi, kita terpaksa meningkatkan kuantiti pengeluaran. Namun begitu, keputusan sedemikian terpujanglah kepada dasar yang diambil secara autonomi.

Impak terhadap pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan *variable* makroekonomi yang lain tergantung pada bagaimana komoditi ini terkait secara teknikal dalam keseluruhan struktur ekonomi negara. Kita perlu memahami bahawa minyak dan gas merupakan antara beberapa sektor yang menjanakan nilai tambah yang tertinggi bagi setiap unit output yang dikeluarkan, begitu juga dalam kadar keuntungan, tetapi tidak bagi upah pekerja. Hal ini bermakna, kejatuhan harga minyak mentah dan seterusnya hasil eksport komoditi ini akan berimpak negatif dan lebih besar berbanding dengan jika kejatuhan harga yang terjadi kepada komoditi yang lain. Impak negatif ini mula dikesan pada imbalan pembayaran dan seterusnya menjangkiti pemboleh ubah (*variable*) makroekonomi yang lain.

Pengalaman Malaysia mencatat lebihan dagangan yang berterusan dalam tempoh yang agak lama walaupun melegakan ekonomi negara, namun trend menurun lebihan tersebut belakangan ini amat

membimbangkan. Penurunan ini sedikit banyak menyumbang kepada tekanan yang mendesak terhadap akaun semasa imbalan pembayaran. Aliran perdagangan bagi minyak dan gas banyak mempengaruhi imbalan dagangan. Perkara yang perlu diberikan perhatian ialah pergerakan dalam aliran nilai dan aliran kuantiti perdagangan minyak petroleum mentah dan barangan petroleum ekoran kejatuhan besar-besaran harga minyak mentah dunia.

Malaysia mempunyai lebihan dalam perdagangan minyak petroleum mentah, tetapi kurang dalam perdagangan petroleum. Dengan menggembeng kedua-dua komoditi ini, imbalan dagangannya sering merekodkan lebihan. Walau bagaimanapun, belakangan ini akaun tersebut diancam bahaya kejatuhan harga minyak. Sejak Januari 2014, ketika nilai eksport petroleum mentah dan barangan petroleum menurun, kuantiti eksport minyak mentah meningkat, tetapi barangan petroleum kekal tidak berubah.

Betapa hebatnya tekanan kejatuhan harga terlihat dalam data perdagangan yang menunjukkan peningkatan kuantiti telah mengurangkan tekanan, tetapi tidak dapat menyekat kemerosotan nilai eksport minyak petroleum dan barangan petroleum. Setelah kita menyedari betapa pentingnya mengekalkan lebihan dalam imbalan dagangan dan seterusnya dalam imbalan semasa imbalan pembayaran, harga minyak dunia merupakan faktor yang penting. Perkara ini menandakan bahawa Malaysia tidak berdaya untuk menangani kesan negatif kejatuhan harga minyak dunia.

Tekanan dalam akaun semasa menjadi bertambah kuat disebabkan oleh aliran keluar bersih pendapatan faktor prima yang disumbangkan sebahagian besarnya oleh remitan pekerja asing yang sangat banyak, tetapi mereka kelihatan kurang produktif. Pada ketika ini, dunia kelihatan tidak berupaya meningkatkan harga minyak mentah. Persekitaran harga minyak yang rendah nampaknya telah dan akan kekal untuk tempoh yang agak lama sehingga menerbitkan kebiasaan baharu ekonomi global.

Ternyata perubahan harga minyak mentah itu mengubah kadar tukaran Dolar Amerika dan seterusnya terhadap kadar tukaran mata wang dunia, termasuk Ringgit. Nilai rizab ditentukan oleh aliran dagangan sebenar yang sedang mengalami



kemerosotan dan disebabkan oleh permintaan dan penawaran mata wang Dolar Amerika dan mata wang lain yang dipengaruhi oleh sentimen serta keyakinan terhadap ekonomi negara.

Oleh sebab rizab antarabangsa yang dipegang oleh Bank Negara Malaysia disebut dalam Dolar Amerika, peningkatan kadar tukaran Dolar Amerika dan kemerosotan kadar tukaran Ringgit mengakibatkan nilai rizab jatuh. Hal ini bermakna, rizab tidak boleh dipulihkan kecuali dengan pemulihan dalam lebihan dagangan dan kadar tukaran Ringgit, yang kedua-duanya agak sukar terjadi kecuali harga minyak mentah dunia pulih. Namun demikian kita semua sedar bahawa dalam masa terdekat ini, perkara tersebut tidak mungkin berlaku. Inilah kebiasaan baharu yang sedang berlaku dalam persekitaran kita dan kita terpaksa menerimanya dan menyesuaikan diri dengannya.

Walaupun bagaimanapun, tekanan kepada ekonomi Malaysia kerana kejatuhan harga minyak dan kemerosotan kadar tukaran Ringgit, alhamdulillah, sedikit banyak dapat ditampar oleh langkah pembaharuan strategik yang kita sedang ambil dalam Model Baharu Ekonomi. Inisiatif ini perlu diteruskan kerana masih terlalu banyak kelemahan struktur terdapat dalam ekonomi Malaysia yang menimbulkan pelbagai kepincangan strata, wilayah dan produktiviti, serta struktur pengeluaran. Fenomena global ini sekadar menyerlahkannya lagi. ●

Dolar Amerika menjadi asas untuk mengukur mata wang negara lain.

**Malaysia mempunyai lebihan dalam perdagangan minyak petroleum mentah, tetapi kurang dalam perdagangan petroleum.**

Profesor Emeritus  
Dr. Zakariah Abdul Rashid,  
Pengarah Eksekutif,  
Malaysian Institute  
Of Economic Research  
(MIER).